



TERIMA KUNJUNGAN ... Ketua Menteri Datuk Seri Musa Haji Aman menerima kunjungan Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn, (UTHM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin di Bangunan Umno di Kota Kinabalu kelmarin.

Turut membuat kunjungan terhadap Musa ialah Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diketuai oleh presidennya, Mohd. Juhar Harun, di tempat yang sama.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor Hel Ehwal Pelajar, Prof Media Datuk Dr Kasim Haji Mohd. Mansur.

Majlis Perwakilan Pelajar UMS baru-baru ini menghantar 27 ahlinya ke "Delegasi Bayu Kembara Uthmaniyah 2014" ke Instanbul, Turki dan Dubai dari 18 hingga 25 Jan untuk lawatan sambil belajar.

Gambar kanan atas Prof. Mohd. Noh (kanan) menyampaikan cendera hati kepada Musa (kiri) semasa kunjungan itu, manakala gambar kiri, pula Ketua Pelajar UMS, Mohd. Juhar Harun menyampaikan cendera kenangan kepada Musa sambil diperhatikan oleh Prof. Kassim i (dua kiri)